

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: LATAR BELAKANG PERSIDANGAN KETUA-KETUA PERWAKILAN
MALAYSIA DI SEBERANG LAUT

TEMPAT: WISMA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 15 DEC 1981

MASA:

Seperti yang telah diluluskan oleh YAB Dato' Seri Perdana Menteri, Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di seberang laut akan dilangsungkan di Bilik Triti, Wisma Putramulai dari 15hb. Disember hingga 23hb. Disember, 1981.

2. Sejak tahun-tahun enam puluhan persidangan-persidangan seumpama ini telah diadakan dari masa kesemasa bila keadaan memerlukan untuk menerang dan membincangkan perkara-perkara penting yang timbul disatu-satu masa tersebut. Namun demikian persidangan-persidangan di masa-masa yang lepas hanya melibatkan sebahagian dari Ketua-Ketua Perwakilan kita sahaja. Persidangan yang akan diadakan ini merupakan yang pertama kali yang melibatkan kesemua Ketua Perwakilan.

3. Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan yang pertama telah diadakan dalam bulan March 1964 di Kuala Lumpur, dihadiri oleh Ketua-Ketua Perwakilan kita di Asia dan Pacifik dan Wakil Tetap di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Persidangan 'tergepar' itu bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan "konfrantasi" antara Malaysia dengan Indonesia, dalam proses untuk mencapai satu dasar dan strateji negara dalam menghadapi ancaman 'konfrantasi'.

4. Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan yang kedua telah diadakan dalam bulan Julai 1967 di London yang telah dibuka dan di Pengerusikan oleh YTM Perdana Menteri. Persidangan ini hanya tertumpu kepada Ketua-Ketua Perwakilan kita di Eropah dan isu-isu penting yang dibincangkan ialah berkenaan dengan bantuan ekonomi dari negara-negara Eropah untuk pembangunan negara, peranan EEC dan N.A.T.O. Persidangan-persidangan ini telah mengambil kesempatan beradanya YTM Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Luar Negeri di London untuk menghadiri Persidangan Menteri-Menteri Komanwel dan membincangkan tentang soal-soal pertahanan dengan Kerajaan British.

5. Persidangan yang ketiga telah juga diadakan di London dalam bulan Julai 1968 yang juga telah dibuka dan dipengerusikan oleh YTM Perdana Menteri. Persidangan ini yang melibatkan Ketua-Ketua Perwakilan di Benua Eropah sahaja telah menumpukan perhatian atas perkara-perkara

Perhubungan Malaysia dengan Persatuan Ekonomi Eropah dan implikasi kemasukan British dalam EEC ke atas Malaysia dan bantuan Pembangunan (Development Aid) kepada Malaysia.

6. Persidangan yang keempat telah diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan Julai 1969 yang melibatkan Ketua-Ketua Perwakilan kita di Wilayah Asia dan Pacific. Persidangan yang telah dibuka oleh YAB Perdana Menteri/Menteri Luar Negeri, telah menumpukan perhatian atas perkara-perkara penting yang telah timbul di masa itu seperti soal-soal keselamatan serantau dengan penekanan atas dasar keselamatan dan pertahanan Malaysia, perbincangan juga menumpukan perhatian atas soal tuntutan Filipina atas Sabah, soal-soal tentang kerjasama serantau terutama dalam lapangan ekonomi.

7. Persidangan yang kelima telah diadakan dalam bulan April 1971 bertempat di Perwakilan kita di London dan persidangan ini telah dihadiri oleh Ketua-Ketua Perwakilan kita dari Benua Eropah dan Amerika Utara. Persidangan ini telah menumpukan perhatian kepada isu perhubungan bilateral di antara Malaysia dengan negara-negara di Benua Eropah dan Amerika. Ketua-Ketua Perwakilan telah membincangkan pendirian dan perubahan-perubahan dasar negara-negara tersebut terhadap Malaysia dan seterusnya Ketua-Ketua Perwakilan tersebut telah diberi taklimat mengenai soal-soal keselamatan dan pertahanan serantau dan dasar ekonomi negara.

8. Persidangan yang keenam telah diadakan pada bulan Mei 1973 di Kuala Lumpur yang telah dihadiri oleh Ketua-Ketua Perwakilan kita di Wilayah Asia Tenggara. Persidangan ini telah menumpukan perhatian kepada pergolakan politik dan ekonomi di wilayah ini dan juga antarabangsa, untuk mengkaji semula perhubungan Malaysia dengan negara-negara di rantau ini, dan untuk memberi peluang kepada Ketua-Ketua Perwakilan mendapat maklumat lengkap tentang pembangunan negara.

9. Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan yang ketujuh telah diadakan di London pada bulan Oktober 1976 yang telah melibatkan Ketua-Ketua Perwakilan di Paris, London, Rome, Bonn, Brussels dan Hague. Dalam persidangan ini perkara-perkara yang telah dibincangkan termasuklah reaksi-reaksi negara-negara Eropah terhadap undang-undang kita yang telah diluluskan seperti "Petroleum Act" dan "Industrial Coordination Act". Perbincangan juga tertumpu pada sikap negara-negara Eropah ke atas bantuan dan pelaburan ke Malaysia dalam konteks Rancangan Malaysia Ketiga dan pendirian negara-negara Eropah ke atas persidangan kerjasama ekonomi antara bangsa yang telah diadakan di Paris (Paris Conference on International Economic Corporation) terutama sekali perkara-perkara yang menyentuh soal "Finance Development Aid" dan masalah-masalah "commodities." Di samping itu Ketua-Ketua Perwakilan juga telah memberi taklimat balas tentang reaksi-reaksi negara-negara Eropah ke atas lapuran-lapuran akhbar mengenai keadaan keselamatan dalam Malaysia akibat kejadian 13 Mei 1969.

10. Persidangan yang kelapan telah diadakan dalam tahun 1977 di Kuala Lumpur dimana kita telah memanggil balik Ketua-ketua Perwakilan dari negara Asia Pasifik dan Timur Tengah. Persidangan ini menumpukan perhatian kepada isu-isu perhubungan bilateral di antara Malaysia dengan negara-negara dimana mereka ditauliahkan dan juga tentang perkara-perkara keselamatan dan dasar luar negeri kita pada keseluruhannya.

11. Persidangan yang ke sembilan telah diadakan di Paris dalam bulan Disember 1980 bagi Ketua-Ketua Perwakilan kita di negara-negara Eropah dan Amerika. Persidangan di Paris ini telah menumpukan perhatian kepada soal-soal keselamatan dalam negeri dan serantau, soal Kampuchea, dan perkara-perkara yang berkaitan dengan bantuan-bantuan yang boleh diperolehi dari negara-negara ini dalam konteks Rancangan Malaysia Keempat.

12. Seperti yang dimaklumkan persidangan-persidangan di masa-masa yang lepas telah melibatkan hanya sebahagian sahaja dari jumlah Ketua-Ketua Perwakilan. Persidangan yang akan datang ini merupakan yang pertama kali ianya melibatkan kesemua Ketua-Ketua Perwakilan. Persidangan ini adalah dirasakan paling tepat pada masanya, memandangkan kepada berbagai perkembangan di dalam dan di luar negeri dan adalah penting perkembangan terbaru ini dapat difahami sepenuhnya supaya pemikiran dan pendirian Kerajaan dapat dicerminkan dengan tepat dan sepenuhnya.

13. Persidangan yang akan diadakan ini akan tertumpu kepada perkara-perkara seperti berikut:-

- (1) Garis panduan dasar luar negeri.
- (2) Taklimat atas Dasar Ekonomi Baru, Rancangan Malaysia Keempat dan perkembangan perdagangan dan pelaburan.
- (3) Politik kuasa-kuasa besar
- (4) Perhubungan Timur-Barat
- (5) Asia Barat dan peranan politik di rantau itu dalam tahun-tahun lapan puluhan dan selepasnya.
- (6) Potensi kerjasama dan konflik di rantau Asia Pasifik.
- (7) Masalah-masalah yang berkaitan dengan keselamatan negara dan keselamatan serantau.
- (8) ASEAN sebagai satu faktor stabilisasi di Asia Tenggara.

14. Di samping taklimat-taklimat dan perbincangan tentang perkara-perkara di atas Ketua-Ketua Perwakilan juga akan diberi peluang untuk meyakinkan masalah-masalah yang berkaitan dengan orang-orang pelarian Kampuchea dan juga mendapat taklimat dari Menteri Luar Negeri Thai atas masalah-masalah yang berkaitan dengan Kampuchea dan Vietnam.